

# Kanak-kanak dua tahun maut, lima cedera dalam kebakaran

Oleh **Asrol Awang** - April 28, 2022 @ 7:40am

bhnews@bh.com.my




Foto hiasan

KUANTAN: Seorang kanak-kanak lelaki berumur dua tahun maut manakala lima cedera dalam kebakaran membabitkan dua rumah di Jalan Permatang Badak Perdana 2, di sini, awal pagi tadi.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Ismail Abdul Ghani, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 3.15 pagi.

Katanya, seramai 18 pegawai dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Taman Tas, BBP Kuantan dan BBP Indera Mahkota dikeharkan ke tempat kejadian.

"Empat jentera termasuk dua jentera FRT digunakan dalam operasi pemadaman.

"Berdasarkan laporan, kebakaran membabitkan dua rumah jenis semi D separuh kekal, masing-masing hangus 100 peratus dan 90 peratus.

"Mangsa yang cedera terdiri daripada dua lelaki, dua wanita serta seorang bayi perempuan berusia lapan bulan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, turut terjejas dalam kebakaran itu ialah tiga kenderaan dengan satu daripadanya hangus sepenuhnya.

"Setakat ini, punca kejadian dan kerugian masih dalam siasatan," katanya.